

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH:23.05.2022 MASA:10.00am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN APLIKASI PINTAR "*ASPIRE
SEBERANG PERAI*" MAJLIS BANDARAYA SEBERANG
PERAI

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 MEI 2022 (SELASA)
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Aplikasi Pintar "***Aspire Seberang Perai***" Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dianjurkan bersama-sama Tetuan Pro Office Solution Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini.

Sekalung penghargaan kepada Puan Salmi Nadia binti Dato' Sri Mohd Hilmey, Pengarah Pro Office Solutions Sdn. Bhd. serta pasukan beliau kerana menjalin kerjasama strategik dengan MBSP, melalui Pasukan *Task Force* Pendigitalan Perkhidmatan MBSP, menggunakan pendekatan kerjasama strategik untuk merealisasikan matlamat MBSP ke arah

Bandaraya Pintar. Pro Office Solutions Sdn. Bhd. telah memaparkan komitmen yang padu dalam menjayakan program pada hari ini.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam merealisasikan aspirasi bandaraya masa hadapan iaitu *Smart Sustainable City* dan selaras dengan wawasan Penang2030 iaitu ***“A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation”*** (**Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara**), MBSP telah melaksanakan pembaharuan institusi atau *institutional reform* dalam penyampaian perkhidmatan bagi memperbanyakkan penggunaan teknologi digital dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Teknologi digital terus dipertingkatkan dengan perkembangan terkini serta keperluan yang mendesak dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif digital khususnya bagi urusan tanpa

tunai bagi memudahkan *stakeholder* untuk berurusan ketika negara berhadapan dengan isu pandemik Covid-19 dan kini telah memasuki fasa endemik.

Dalam meneruskan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, MBSP telah mengambil langkah proaktif dengan **inisiatif pembayaran tanpa tunai** dengan memastikan Pulau Pinang menjadi negeri Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang tahun 2030 melalui penggunaan transaksi digital bagi semua urusan pembayaran. Di antara usaha-usaha yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh MBSP adalah:-

- i. Penyemakan cukai taksiran melalui *CyberBill MBSP* (SMS) dan *MBSP QrBill*;
- ii. Pembayaran melalui *Portal MBSPPay*;
- iii. Pembayaran melalui eBayar Penang;
- iv. Pembayaran melalui *Portal PBTPay KPKT*;
- v. Pembayaran melalui aplikasi *eWallet* seperti Boost, TnGo dan Shopee;
- vi. Pembayaran melalui saluran perbankan internet, *JomPay*, *Kiosk Paylink* dan di semua kaunter 7-Eleven di seluruh Malaysia.

Transformasi Digital MBSP ke arah transaksi tanpa tunai telah menampakkan kejayaan dari tahun ke tahun dan sudah mula diterima oleh rakyat Seberang Perai.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Agenda Transformasi Digital MBSP diperluaskan dengan penggunaan Aplikasi "***Aspire Seberang Perai***". Idea "***Aspire Seberang Perai***" tercetus ketika negara menghadapi pandemik Covid-19 dan MBSP perlu memikirkan satu kaedah yang sesuai untuk kekal berhubung dengan rakyat serta memperolehi hasil dengan cara konsisten.

Pada 6 Jun 2021, MBSP secara rasminya telah menubuhkan satu *Task Force* yang dianggotai oleh lima (5) orang pegawai dan kakitangan MBSP iaitu:-

1. Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perbendaharaan selaku Pengerusi *Task Force*;
2. Encik Saiful Azri bin Salleh, Penolong Pengarah Kanan Direktorat Penguatkuasaan;

3. Cik Noor Rafidah binti Md Isa, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi;
4. Encik Muhammad Hilmi bin Ahmad Fauzi, Penolong Pengarah Jabatan Pelesenan; dan
5. Puan Aida binti Ishak, Penolong Akauntan Kanan Jabatan Perbendaharaan.

Task Force ini ditubuhkan untuk mengenalpasti, mengkaji serta mengemukakan penyelesaian (*solution*) serta inisiatif bagi tujuan peningkatan pengurusan kutipan hasil dan implementasi inisiatif tanpa tunai / pintar kepada Jabatan dalaman secara khususnya. Tugas pertama jawatankuasa khas ini adalah untuk mewujudkan satu aplikasi pintar (*mobile apps*) yang interaktif yang dijangka dapat membantu memperkenalkan Seberang Perai serta MBSP secara meluas serta membantu meningkatkan kutipan hasil MBSP khususnya dengan penyediaan aplikasi yang informatif dan interaktif serta *payment gateway* terkini yang lebih menyeluruh dan efektif. Tahniah diucapkan kepada pasukan ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

“Aspire Seberang Perai” merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan mengikut spesifikasi serta kehendak MBSP melalui konsep perkongsian pintar bersama ejen kutipan pihak ketiga yang telah dilantik oleh MBSP. Aplikasi ini dibangunkan dengan ciri-ciri yang informatif, interaktif dan ianya diintegrasikan secara langsung dengan sistem dalaman MBSP. Bagi Fasa 1, modul yang akan mula diintegrasikan adalah cukai taksiran, kompaun, sewaan gerai / kompleks serta aduan. Modul-modul lain akan dimasukkan di dalam fasa pembangunan berikutnya secara berperingkat tertakluk kepada tahap ketersediaan sub-sistem dalam MBSP berkenaan. Antara komponen-komponen yang terdapat dalam **“Aspire Seberang Perai”** (Fasa 1) adalah:-

- a. Dilengkapi dengan gerbang pembayaran (*payment gateway*) atas talian;
- b. Paparan *Personal Dashboard* Pengguna / Sejarah Transaksi;
- c. Sistem Ganjaran (*Reward*) kepada pengguna yang membuat transaksi pembayaran melalui **“Aspire Seberang Perai”** sama ada berbentuk cabutan bertuah, kupon baucer atau pengumpulan mata ganjaran.
- d. Diintegrasikan dengan sistem dalaman MBSP secara terkini;

- e. Paparan Informasi Eksplorasi Seberang Perai iaitu seperti lokasi tempat menarik, tempat makan, sejarah dan sebagainya,
- f. Sistem Robot untuk bertanyakan soalan-soalan berkaitan MBSP mengikut fasa,
- g. Paparan pelbagai pengumuman. Promosi serta ruangan iklan di dalam "***Aspire Seberang Perai***".

Promosi penggunaan aplikasi "***Aspire Seberang Perai***" ini juga turut akan dibantu oleh duta selebriti anak jati Seberang Perai yang dilantik oleh pihak syarikat yang akan diperkenalkan sebentar lagi selepas pelancaran "***Aspire Seberang Perai***" sebentar nanti.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform* supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya. MBSP juga komited untuk terus mara ke hadapan dalam usaha pembaharuan digital dan pintar seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan pihak industri selaras dengan harapan Penang2030 untuk menjadi sebuah Negeri Pintar yang menginspirasi negara.

MBSP akan sentiasa mengetengahkan idea-idea baru dan amat memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City* dan seterusnya menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Pelancaran Aplikasi Pintar “***Aspire Seberang Perai***”. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, yang sudi merasmikan pelancaran Majlis Pelancaran Aplikasi Pintar “***Aspire Seberang Perai***”, serta Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini. Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar.

Sekian, Terima Kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***